

Ku Li di belakang fitnah hubungan Mahathir-Anwar

Tiada keretakan — PM

UM 01 NOV 1994

Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI

KUALA TERENGGANU 31 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan desas-desus kononnya berlaku perselisihan antara beliau dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Dr. Mahathir, fitnah itu sengaja disebar oleh Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

“Daripada maklumat yang diperolehi, dialah (Tengku Razaleigh) yang menyebarkan fitnah kononnya saya, walaupun nampak dekat (dengan Anwar) tetapi jauh... walaupun nampak baik tetapi sebaliknya,” jelas beliau.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menjelaskan, tiada sebab beliau harus ‘berkelahi’ dengan Anwar dan keadaan tidak benar itu telah dilaporkan oleh media asing.

“Kononnya saya berkelahi dengan Anwar kerana saya cuba nak jatuhkan orang dia (Anwar) dan dia pula cuba jatuhkan orang

saya. Bagaimanapun akhirnya saya menang, kononnya.

“Dalam soal ini, tiada siapa yang menang atau kalah kerana apa yang dibangkitkan tidak berasas sama sekali,” tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli-ahli jawatankuasa Bahagian, Pemuda dan Wanita UMNO Terengganu di Dewan Besar Wisma Darul Iman di sini tengah hari ini.

[Reaksi Anwar di muka 2]

Perdana Menteri menambah, beliau kesal dengan sikap Tengku Razaleigh yang sanggup diperalatkan oleh pihak tertentu untuk memburuk-burukkan negara sendiri.

Katanya baru-baru ini, Tengku Razaleigh mendedahkan kononnya berlaku rasuah dalam kerajaan dan berbilion-bilion ringgit telah diselewengkan.

“Yang saya tahu, semasa dia menjadi Menteri Kewangan, duit Bank Bumiputera pergi kepada orang yang walaupun dia kata bukan kerana dia...tetapi kita

■Lihat muka 2

Tiada keretakan — PM

tahu mereka itu.

“Sekarang ini selama dia (Tengku Razaleigh) tiada, kita tengok pertumbuhan ekonomi semakin baik dan ini menunjukkan kebolehan pentadbiran.

“Pentadbiran dia semasa dulu bertujuan hanyalah untuk mempopularkan dirinya. Sekarang ini kita bergerak sebagai satu pasukan untuk kepentingan rakyat dan bukan diri,” tegasnya.

Beliau juga menyifatkan Tengku Razaleigh sebagai ‘penakut’ kerana me-

larikan diri ketika ucapan Belanjawan 1995 sedang disampaikan oleh Anwar di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Apabila ditanya siapakah yang memeralatkan Tengku Razaleigh, Dr. Mahathir berkata:

“Tak tahulah, saya tengok di Australia dia bukan main popular.

“Saya harap dia bertanding di Australia, dia boleh menang saya ingat, sebab daripada cara (segi) memburukkan negara sendiri.”